

Nilai-Nilai Murni Keindahan Bahasa Dalam *Rinait* (Mantera) Masyarakat Kadazandusun Untuk Pendidikan Bahasa

The Pure Values of the Beauty of Language in Rinait (Mantra) of the Kadazandusun Community for Language Education

Julita Norjietta Binti Taisin
norjietta@fbk.upsi.edu.my

Minah Binti Sintian
minahsintian@fbk.upsi.edu.my

Rosliah Kiting
roslih@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim Perak

Published: 26 April 2024

To cite this article (APA): Taisin, J. @ N., Sintian, M., & Kiting, R. (2024). Nilai-Nilai Murni Keindahan Bahasa Dalam *Rinait* (Mantera) Masyarakat Kadazandusun Untuk Pendidikan Bahasa. *PENDETA*, 15(1), 71–80. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.6.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.6.2024>

ABSTRAK

Penulisan ini bertujuan untuk mengetengahkan nilai-nilai murni keindahan bahasa dalam *rinait* (mantera) masyarakat Kadazandusun di Sabah yang kini semakin terpinggir dan dilupakan oleh generasi muda dalam masyarakat pendukungnya. Norjietta Taisin (2014) menyatakan mereka lebih terpengaruh kepada lagu-lagu moden tambahan pula yang melafaz dan melagukan *rinait* terdiri daripada golongan yang sudah berusia lanjut. Ia memerlukan kemahiran untuk melagukannya serta menyebut setiap kata-kata unik yang terdapat dalam rangkap *rinait* (mantera) sementara itu usaha-usaha untuk mendokumentasikan hasil sastera tersebut amat sedikit. Dalam kajian ini keadah yang digunakan adalah kualitatif menerusi temubual responden yang arif tentang amalan *rinait* seperti *bobolian* (dukun). Kajian lapangan juga telah dilaksanakan dengan menyertai upacara-upacara yang dijalankan berkaitan dengan *rinait*. Beberapa *rinait* yang diperoleh daripada responden mendapati bahawa terselitnya nilai-nilai murni dalam beberapa leksikal yang dikatakan mempunyai keindahan bahasa dalam *rinait* (mantera). Nilai-nilai murni yang dikenal pasti dalam *rinait* tersebut dapat diterapkan oleh guru dalam pendidikan bahasa untuk membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Impaknya nilai-nilai murni akan mencerminkan suasana kehidupan yang harmoni dalam mewujudkan intergrasi nasional di Malaysia. Sementara itu, Beberapa leksikal yang telah dikenal pasti juga memberi satu ruang alternatif dalam pembentukan istilah baharu pendidikan bahasa Kadazandusun yang berkemungkinan besar istilah tersebut sesuai diterapkan ke dalam bahasa Melayu dan seterusnya berpotensi menyumbang kepada sumber istilah bahasa Melayu.

Kata Kunci: Nilai murni, keindahan, *rinait*(mantera), Pendidikan bahasa dan Kadazandusun

ABSTRACT

This writing aims to highlight the pure values of the beauty of language in the rinait (mantra) of the Kadazandusun community in Sabah which is now increasingly marginalized and forgotten by the younger generation in its supporting community. Norjietta Taisin (2014) stated that they are more influenced by modern songs and in addition those who recite and sing rinait consist of the elderly. It requires skill to sing it as well as pronounce each unique word found in the rinait verse (mantra) while efforts to document the literary output are

very few. In this study, the method used is qualitative through interviewing respondents who are knowledgeable about *rinait* practices such as *bobolian* (shaman). Field research has also been carried out by participating in ceremonies carried out related to *rinait*. Some of the *rinait* obtained from the respondents found that there are hidden values in some lexical items that are said to have the beauty of the language in the *rinait* (mantra). The noble values identified in the *rinait* can be applied by teachers in language education to form people who are balanced physically, emotionally, spiritually, intellectually and socially. The impact of noble values will reflect a harmonious life atmosphere in creating national integration in Malaysia. Meanwhile. Some of the lexical items that have been identified also provide an alternative space in the formation of new terms for Kadazandusun language education, which are most likely to be suitable to be applied to the Malay language and thus potentially contribute to the source of Malay language terms.

Keywords: Pure values, beauty, *rinait* (mantera), Language education and Kadazandusun.

PENGENALAN

Mantera ialah karangan berangkap yang menerangkan *worldview* dan kosmos bagi manusia berhubung dengan makhluk-makhluk ghaib. Mantera menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya. Mantera mempunyai unsur simbolisme yang boleh dilihat melalui penggunaan bahasanya. Ia penting dalam mempengaruhi pemikiran seseorang individu untuk menjadi lebih sempurna dalam kehidupan mereka dan kehidupan bermasyarakat. (Mazarul Hasan Mohamad Hanapi et.al. 2016)

Menurut Minah Sintian (2012), *rinait* adalah puisi lisan yang dinyanyikan atau dilafazkan dengan cara biasa menggunakan bahasa yang mistik dan sukar difahami oleh kebanyakan orang Kadazandusun itu sendiri. Orang yang bertanggungjawab dalam upacara *rinait* adalah mereka yang digelar sebagai *bobolian* yang mendapat kewibawaan melalui peralatan yang mereka gunakan seperti *Komburongo*, dan *Gonding* semasa *momurinaid* untuk berhubung dengan *Kinoingan*. *Bobolian* adalah penghubung antara manusia dan *Kinoingan* untuk mendapatkan keselamatan dan memperoleh petunjuk daripada *Rogon* yang memudaratkan manusia.

Julita Norjietta Taisin (2017), dalam masyarakat Kadazandusun, *bobolian* (dukun) yang mengamalkan mantera adalah bertujuan untuk memberi kesaktian kepada sesuatu benda seperti darah haiwan yang telah dikorbankan, akar tumbuh-tumbuhan, nasi kuning dan sebagainya. Ia menggunakan bahasa kuno yang antara lainnya menyebutkan asal-usul sesuatu benda dan dapat pula mendatangkan kuasa ghaib apabila dibaca.

Rinait (mantera) merupakan puisi tradisional kini semakin terpinggir dan dilupakan kerana kebanyakan generasi muda masa kini lebih terpengaruh dengan lagu-lagu moden. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat ungkapan indah dalam *rinait* (mantera) tersebut namun ia kurang dipraktikkan menyebabkan ketidakselarasan dalam usaha memelihara bahasa etnik sebagai nilai jati diri, budaya dan tradisi yang mendukung seterusnya kepada integrasi nasional dalam pendidikan bahasa. Tambahan pula kurang pendedahan *rinait* (mantera) selain kehilangan sifat jati diri dilihat sebagai antara faktor puisi seperti *rinait* (mantera) kini semakin pupus ditelan zaman. Justeru kajian ini dilaksanakan untuk mengetengahkan nilai-nilai murni keindahan bahasa dalam *rinait* (mantera) masyarakat Kadazandusun dalam pendidikan bahasa.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Mazarul Hasan & Norazima Zakaria (2017), Mantera Ulit Mayang merupakan mantera Melayu tradisional yang digunakan untuk mengubati pesakit yang diganggu makhluk halus. Pesakit yang menerima mantera tersebut akan pengsan. Hal yang sama juga disokong oleh Minah Sintian (2013) yang menyatakan bahawa mantera ini digunakan untuk mengubati pesakit yang hilang semangat. Orang yang hilang semangat haruslah dipulihkan dengan segera agar dia dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

Mantera mempunyai unsur simbolisme yang boleh dilihat melalui penggunaan bahasanya. Ia penting dalam mempengaruhi pemikiran seseorang individu untuk menjadi lebih sempurna dalam kehidupan mereka dan kehidupan bermasyarakat. Justeru keindahan kata-kata dalam mantera bukan sahaja terletak pada pilihan kata serta kalimatnya yang berima, tetapi terkandung di dalamnya makna dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu. Mantera juga dapat menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya. Maka penggunaan simbol dalam mantera dilihat amat penting untuk menggambarkan kepercayaan masyarakat terhadap sesuatu perkara dan mantera adalah cermin serta dokumen budaya masyarakat tradisi (Mazarul Hasan Mohamad Hanapi et.al. 2016)

Menurut Rahmah Abdul Ghani et.al. (2019) mantera kecantikan wanita yang digunakan oleh masyarakat Bajau di Sabah telah mengalami pengaruh Islam. Hal ini kerana terdapat banyak kalimah-kalimah yang sinonim dengan agama Islam. Hal ini sama seperti yang dinyatakan oleh Siti Aisah Jusoh & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang menyatakan bahawa penggunaan mantera Pakaian Diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Kelantan turut mengalami pengaruh unsur-unsur Islam. Hal yang sama juga turut berlaku dalam mantera yang digunakan oleh masyarakat Bajau dalam bidang pertanian dimana Saidatul Haji Mahali (1999) menyatakan bahawa kepercayaan masyarakat Petani Bajau telah bercampur dengan ajaran Agama Islam.

Menurut Nurul Izzati Mustafa dan Adnan Jusoh (2018) dalam kajian naskhah Mantera Gajah Mantera di Tanah Melayu dipengaruhi dengan agama Hindu-Buddha. Hal ini kerana hampir semua Mantera Gajah menggunakan bahasa Melayu yang dicampurkan dengan bahasa Sanskrit dan dijalankan mengikut ritual agama Hindu-Buddha. Hal ini sama dengan apa yang dilakukan oleh masyarakat Kimaragang yang menggunakan Mantera *Pironok* untuk kedamaian masyarakat. Menurut Ain Apainah Yuni & Asmiaty Amat (2019) Mantera *Pironok* digunakan oleh ketua masyarakat Kimaragang di Kota Marudu Sabah. Mantera ini terdiri daripada beberapa mantera yang berfungsi penjaga keamanan, memberi keberanian kepada pemimpin dan menundukkan rakyat ini secara tidak langsung menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Mantera yang digunakan oleh masyarakat Pangean Rantau Kuantan, Indonesia juga telah menerima pengaruh daripada agama Islam. Hal ini dinyatakan oleh Mia Mayang Sari dimana mantera yang digunakan adalah untuk memohon reda Allah untuk menyembuhkan segala penyakit dan menjauhkan mereka daripada segala kesusahan. Hal ini juga sama dengan masyarakat Kadazandusun yang dikatakan kesemua mantera adalah untaian permohonan kepada Tuhan untuk keselamatan dan kesejahteraan masyarakatnya. Namun apa yang berbeza adalah mantera masyarakat Kadazandusun tidak mengalami pengaruh daripada agama Islam. Secara keseluruhannya, *rinait* merupakan gambaran kebijaksanaan masyarakat tradisional sehingga menjadi amalan di kehidupan seharian mereka yang sarat dengan nilai yang dapat dijadikan landasan kehidupan masyarakat pendukungnya.

Kajian Norjietta Taisin (2017), dipercayai bahawa *rinait* (mantera) Kadazandusun digunakan ketika upacara ritual. Pengucapan mantera dalam upacara ritual disebut *mogondi*, ketika upacara ritual ini yang dikenali sebagai *mongomburongo* dukun (*bobohizan*) berperanan sebagai pengendali upacara tersebut. Melalui amalan inilah seni melagukan *rinait* (mantera) wujudnya ungkapan kata-kata mantera yang mempunyai irama agak unik. Selain itu *rinait* (mantera) yang dilafazkan berasal daripada kata-kata larangan yang disampaikan oleh ibu bapa kepada kanak-kanak yang bertujuan untuk kawalan sosial. Larangan atau nasihat selalunya disampaikan melalui ungkapan mantera yang dilagukan kerana cara ini lebih lembut dan senang diingati oleh kanak-kanak kelak.

Menyentuh kepada nilai-nilai murni dalam pendidikan bahasa, kajian Asmiaty Amat, et.al.(2024) mengatakan bahawa guru merupakan agen sosialisasi yang berperanan penting untuk membentuk keperibadian murid selain ibu bapa. Latar belakang dan budaya yang melingkari kehidupan guru menjadi asas kepada guru untuk mendidik murid melalui keperibadian mereka semasa berada di sekolah khususnya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Keperibadian mereka ini penting dalam memupuk karakter yang baik pada anak murid. Justeru dalam

kajian telah menerapkan budaya dalam menghubungkan nilai murni Bugis dari aspek verbal dan nonverbal. Ia memainkan peranan dalam mengintegrasikan murid tidak terhad semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sahaja tetapi turut meliputi aktiviti di luar bilik darjah. Selain itu, didapati budaya Bugis memiliki signifikan dengan nilai murni yang dilihat sesuai untuk diterapkan kepada murid dari sudut perlakuan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, masyarakat kadazandusun juga memiliki *rinait* (mantera) yang bukan sekadar untuk menyembuhkan penyakit tetapi terselitnya nilai-nilai murni dalam ungkapan *rinait* (mantera) tersebut seperti *Mogihum do simbito* (mencari makanan) dapat dikaitkan dengan berdikari yang sentiasa berusaha iaitu murid-murid tidak sepatutnya bergantung dengan guru semata-mata untuk mencari ilmu tetapi seharusnya meneroka sendiri ilmu pengetahuan melalui pelbagai wahana yang ada. Sehubungan itu leksikal *simbito* merupakan metafora yang dapat dikaitkan dengan peribahasa bersusah-susah dahulu bersenang-senang kemudian. Justeru kajian seperti ini perlu diketengahkan agar segala kelompangan kajian lalu akan cuba ditelusi bagi mengetengahkan nilai-nilai murni keindahan bahasa yang terdapat dalam *rinait* (mantera). Adalah diharapkan kajian ini berupaya memberi gambaran serta pendedahan bahawa betapa pentingnya mengenal pasti keindahan bahasa dalam *rinait* yang seterusnya dikaitkan dengan nilai-nilai murni.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif dalam perspektif kualitatif. Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Nota lapangan dan diari pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Kajian lapangan dan kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat. Sebelum kajian lapangan dilaksanakan, pengkaji telah merujuk sumber kajian kepustakaan bagi mengetahui kebudayaan masyarakat Kadazandusun terutamanya dalam mantera yang digunakan dalam kepercayaan animisme. Kaedah temu bual digunakan untuk memperoleh data daripada informan yang telah berkenaan. Patton (1990) menyatakan terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Fontana dan Fey (1994) dan Meriam (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual separa berstruktur kerana ia bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya sesuai kepada penyelidik Teknik temu bual dalam kajian ini. Tujuan temu bual ini adalah untuk mengenal pasti dengan lebih mendalam tentang keindahan bahasa dalam *rinait* (mantera) ketika dilafazkan atau dilagukan oleh responden yang berkenaan. Justifikasi pemilihan Informan berdasarkan maklumat daripada pemimpin masyarakat bahawa informan tersebut merupakan *bobolian* (dukun) yang menjadi rujukan oleh masyarakat pendukungnya, seorang perempuan yang telah berusia lanjut dalam lingkungan 85 tahun serta penutur natif bahasa Kadazandusun. Dalam analisis kualitatif pengkaji mentranskripsi dapatan temubual dan menganalisis data yang diperoleh melalui rakaman dan catatan semasa mengumpul data *rinait* (mantera). Rakaman diambil menggunakan pita rakaman suara bagi memperoleh hasil dapatan yang terbaik. Rakaman tersebut kemudiannya ditranskripsi dalam dwi-bahasa iaitu dengan menggunakan bahasa Kadazandusun dan Bahasa Melayu (terjemahan bebas daripada bacaan *rinait* /mantera). Seterusnya, rakaman tersebut dimuat naik ke dalam perisian "Sound Cloud" untuk disimpan. Selain itu, kaedah temu bual juga diambil daripada informan sebagai data tambahan bagi mendapatkan maklumat lanjut atau maklumat tambahan. Soalan temu bual yang dikemukakan adalah berkisar kepada pantang larang, adat masyarakat pendukungnya, jenis bacaan *rinait* untuk tujuan tertentu seperti sebagai penawar penyakit, mengubat atau menjauhkan penyakit serta makna leksikal-leksikal tertentu dalam rangkap *rinait* (mantera) yang dikatakan terselitnya nilai-nilai murni keindahan bahasa untuk pendidikan bahasa.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian adalah berdasarkan *rinait* /mantera yang telah diperolehi daripada informan dan telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu (terjemahan bebas) kerana tidak semua perkataan yang diungkapkan dalam *rinait* dapat diterjemahkan satu persatu dalam bahasa Melayu. *Rinait* (mantera) ada kalanya menjadi simbol atau perlambangan kebijaksanaan nenek moyang masyarakat Kadazandusun tradisi melalui pemikiran yang kreatif dan berseni dalam penciptaan *rinait* (mantera). *Rinait* (mantera) memberikan gambaran berdasarkan tafsiran masyarakat pendukungnya terhadap alam sekeliling sebagai sumber ilham dalam mencipta dan mempersembah *rinait* (mantera). Dalam penulisan ini hanya beberapa *rinait*(mantera) yang telah diketengahkan seperti yang berikut:

Rinait Magandai Tanak

Bahasa Kadazandusun

Andai-andai ku ti tanak
Ingid-ingid ku ti tanak
Andai-andai ku dalaing
Pogolungung poginanau
Haro kondiu mogolungung
Iso lokuu moginanau
Mogihum do simbiton
Mongingot do sanaon
Simbiton no aahai bonong
Sanao no
Mansaai toluoron
Otoronong no sunion
Suloko tororobung
Sundayoto o sinuu
Sinuu indo sobulon
Otorobung indo ngawii sumuni

Terjemahan bebas dalam Bahasa Melayu

Ku dodoi-dodoi anak ini
Ku goyang-goyang dodoi
Ku dodoi-dodoi anak ini
Berteduh berterang
Ada helang berteduh
Satu helang menerangi
Mencari makanan
Mencari tempat bertenggek
Ambilah rebutlah katak
Bertenggeklah
Dijauhkan penyakit
Tumbuh dengan baik
Laluan pembesaran
Mempercepatkan pembesaran
Pembesaran yang cepat
Supaya cepat membesar

(Sumber: Puan Tinggayan Godsung, 85 tahun, Kg. Toboh Laut Keningau Sabah 22 Ogos 2023)

Rinait Magandai Tanak merupakan mantera yang digunakan untuk menangkal segala malapetaka yang akan menimpa bayi sepanjang tempoh pembesarannya. *Rinait* ini akan dilakukan sebanyak dua kali iaitu tujuh hari selepas bayi dilahirkan dan apabila bayi berumur 30 hari. *Rinait Magandai Tanak* ini akan dilafazkan dalam bentuk nyanyian yang kebanyakannya dilakukan oleh wanita tua atau nenek kepada bayi tersebut. Sebelum menjalankan upacara *Magandai Tanak*, bayi tersebut haruslah buang air terlebih dahulu bagi mengelakkan bayi tersebut buang air semasa upacara itu berlangsung. Hal ini kerana, dipercayai bahawa sesuatu perkara yang tidak baik akan berlaku jika baik buang air semasa *Magandai Tanak*. Oleh itu, *Magandai Tanak* akan dilakukan pada sebelah pagi selepas bayi tersebut buang air.

Berdasarkan *rinait* tersebut terdapat beberapa perkataan seperti ***Mogihum do simbiton*** yang jika diertikan dalam bahasa Melayu bermaksud mencari makanan. Bagi masyarakat tradisional Kadazandusun yang tinggal di kawasan pedalaman, mencari makanan merupakan suatu hal yang dilakukan setiap hari kerana mereka makanan tidak tersedia seperti mereka yang tinggal di kawasan bandar. Mereka akan bercucuk tanam dan memburu untuk meneruskan kehidupan. Cara hidup yang sentiasa berusaha ini patut diterapkan dalam pengajaran murid-murid di sekolah iaitu murid-murid tidak sepatutnya bergantung dengan guru semata-mata untuk mencari ilmu. Mereka seharusnya meneroka sendiri ilmu pengetahuan melalui pelbagai wahana yang ada.

Mansaai toluoron pula bermaksud menjauhkan penyakit yang mana setiap ibu bapa mengharapkan tumbesaran bayi mereka membesar tanpa gangguan kesihatan. Justeru terungkapnya perkataan ***mansaai toluoron*** (menjauhkan penyakit) kerana nilai kasih sayang ibu bapa terhadap bayi mereka. Jika dikaitkan dalam bidang pendidikan, semua pihak mengharapkan agar para pelajar bertumbuh menjadi seseorang yang tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat yang dapat

menyebabkan penyakit sama ada penyakit emosi atau penyakit fizikal. Oleh itu, anak-anak haruslah menghargai kasih sayang bagai menatang minyak yang penuh yang diberikan oleh ibubapa dengan melakukan perkara yang berfaedah dan mampu membalas jasa mereka.

Rinait Manantag Tanak

Bahasa Kadazandusun

Tantag-tantag bolobou

Tantago kobunsakit

Paarabo kobinlasu, kobinlahang

Kobinsakit, kobinruol, kokodou sunion

Kokikang sobulon

Alaid sumuni

Kobuai do sumobul

Tantago.

Terjemahan bebas dalam Bahasa Melayu

Goncang-goncang embun

Goncangkan penyebab penyakit

Bertaburan penyebab demam, kahak

Pengahalang pembesaran dan pertumbuhan

susah bercambah

Lama membesasar

Sukarbertumbuh

Goncangkan

(Sumber: Puan Tinggayan Godsung, 85 tahun, Kg. Toboh Laut Keningau Sabah 22 Ogos 2023)

Rinait Manantag Tanak digunakan untuk penjaga kepada bayi yang berumur kosong hingga satu tahun. *Rinait* ini akan diucapkan oleh ibubapa atau penjaga si bayi dan diucapkan setiap hari iaitu selepas si bayi dimandikan. Caranya adalah dengan menimang-nimang bayi yang ditudahkan pada tempat mandi bayi tersebut sambil membacakan *rinait* tersebut. *Rinait* ini digunakan untuk memberikan perlindungan kepada si bayi sepanjang tempoh pembesarannya dan boleh diubah mengikut keperluan si bayi sebagai contoh rangkap pertama iaitu *Tantag-tantag bolobou*, *tantago kobunsakit* tidak akan diubah namun rangkap seterusnya boleh diubah misalnya jika penjaga atau ibubapa si bayi mahu anaknya cepat besar dia akan berkata *yoho gulu kosurut, tohuri tandad ku* yang bererti saya (si bayi) besar dahulu, yang seumuran dengan saya akan menyusul. Secara keseluruhannya *Rinait Manantag Tanak* ini adalah pesan-pesan positif untuk si bayi daripada ibubapa atau penjaganya.

Tantago kobunsakit jika diterjemahkan dalam Bahasa Melayu adalah menggoncangkan penyebab penyakit. Sistem imun bayi yang masih lemah menyebabkan mereka senang dijangkiti penyakit yang adakalanya menyebabkan kematian. Hal ini menyebabkan kerisauan dalam kalangan ibubapa masyarakat pendukungnya. Tambahan pula dengan keterbatasan kemudahan perubatan memaksa mereka untuk melakukan pelbagai cara untuk memastikan anak mereka dalam keadaan selamat daripada dijangkiti penyakit. Hal ini sepatutnya menjadi pedoman bagi masyarakat pendukungnya khasnya guru-guru bahasa Kadazandusun dalam memperkasakan pendidikan Bahasa kerana semakin berkurangnya keasliannya dari segi penggunaan leksikal bahasa tersebut. Walaupun pada dasarnya sedia maklum bahawa untuk mencapai kemajuan kita haruslah menerima perubahan namun ianya tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mencemarkan keindahan bahasa ibunda yang menjadi warisan ini.

Paarabo kobinlasu, kobinlahang adalah kata yang bermaksud bertaburlah penyebab demam dan kahak. Demam dan kahak yang dialami oleh bayi sering kali menjadi penyebab kepada kerisauan ibubapa. Mereka akan berasa cemas tentang apa yang berlaku kepada bayi mereka, apakah ia akan mendatangkan mudarat atau tidak. Selain itu, ibubapa juga akan merasa kelelahan kerana bayi yang demam biasanya akan menangis sepanjang malam kerana tidak selesa. Bagi melindungi bayi mereka daripada penyakit demam ini, ibubapa akan melakukan pelbagai cara seperti mencari herba di hutan, membacakan *rinait* dan sebagainya. Begitu juga dengan pendidikan dalam membentuk seorang modal insan guru-guru haruslah berkorban masa dan tenaga untuk sentiasa memperbaiki kualiti pengajarannya. Hal ini bertepatan dengan falsafah pendidikan kebangsaan yakni sistem pendidikan negara mengharap semua rakyatnya seimbang dari pelbagai sudut dan mampu menyumbang kepada kemajuan negara. Selaras dengan Mok (1992) melalui ilmu pendidikan, ia dapat melatih warganegara mematuhi peraturan-peraturan tingkahlaku yang baik dan cekap dalam mentadbir serta membangunkan negara

Rinait Moguhok Waig

Bahasa Kadazandusun

Waig do koingaran

Tanda do pitandaan

Kingaran do kisundu

Kitanda do kilodun

Kisundu do kolingos

Kilodun do kopuai

Koinggamut, koimbakat

Oinggomuto no, posimbakato no

Tituntug ii sakit di kuo toruol di kuo

Norukut-rukut toruol, *norokoi-rokoi tohong*

Inggomuto, imbakato, imuhai, impukisi

Simbakato no ii tutuntung kangkab

Imuhai, ungkatabai, immuhauo, ungkatabai

Nokotontodos koluoron

Nokosira, nokual, nokolorot ilo raha

Nokosira ilo rosoi imuhai, ungkatabai

Oiiiiidu...!

Terjemahan bebas dalam Bahasa Melayu

Air yang bernama

Tanda yang menjadi tanda

Terkenal dengan kesaktian

Dengan tanda yang ajaib

Berkuasa untuk menyembuhkan

Berkuasa untuk mengusap

Dicabut hingga ke akar

Dihapuskan hingga tiada

Ubat untuk dia, penyembuh untuk dia

Untuk berbagai jenis penyakit

Dicabut habis hingga ke akar

Angkat penuang dada

Disapu, dikibarkan

Rasa sakit yang mendalam

Yang tercampur dengan darah

Yang masuk dalam badan

Pergilah...!

(Sumber: Puan Tinggayan Godsung, 85 tahun, Kg. Toboh Laut Keningau Sabah 22 Ogos 2023)

Berdasarkan *rinait* tersebut bobolian berperanan sebagai pengantara kepada semangat yang terganggu mahupun individu yang tersengaja menyinggung semangat tersebut. *Rinait moguhok waig* merupakan antara *rinait* yang digunakan untuk merawat mereka yang keteguran iaitu ditegur oleh penunggu yang menyebabkan semangat seseorang itu hilang atau lemah dan akan jatuh sakit. Semasa *bobolian* membacakan *rinait* ini, beliau akan memegang mangkuk berisi air sambil duduk bersila membacakan *rinait* tersebut. Selepas itu, *bobolian* akan mengoleskan air tersebut pada dahi dan kaki individu yang keteguran.

Waig do koingaran dalam *rinait* membawa erti kepada air yang terkenal dalam masyarakat Kadazandusun. Sejak turun temurun dari nenek moyang masyarakat pendukungnya air tersebut merupakan sumber kehidupan bagi semua makhluk hidup di dunia ini. Masyarakat tradisional Kadazandusun menjunjung tinggi air sebagai sumber kehidupan sehingga dalam apa-apa saja kegiatan seharian mereka dikaitkan dengan air. Misalnya dalam *rinait moguhok waig*, air tersebut digunakan sebagai medium penyembuh penyakit individu yang terkena sakit. Justeru dalam kehidupan seharian, isu air seharusnya diterapkan dalam pendidikan semasa agar dapat memberi kesedaran kepada murid-murid khususnya dalam memelihara alam sekitar. Demikian juga dengan penggunaan peribahasa “*air dicincang tidak akan putus*” maksud dua orang yang bersaudara tidak dapat dipisahkan oleh perselisihan. Peribahasa “*waig susu sinulihan do waig tuba*” (“air susu dibalas dengan air tuba”) yang membawa maksud kebaikan dibalas dengan kejahatan. Ini selaras dengan Norjietta Taisin (2017) bahawa kata-kata nasihat daripada nenek moyang masa silam dalam masyarakat pendukungnya amat berharga sebagai landasan kehidupan yang seharusnya diamalkan oleh generasi muda, sudah pasti seawalnya diterapkan dalam pendidikan di sekolah selain bermula daripada didikan kedua ibu bapa di rumah.

Norukut-rukut toruol dalam *rinait* diatas pula merujuk kepada pelbagai jenis penyakit. Dunia moden sekarang ini memperlihatkan trend penyakit yang tidak berjangkit seperti penyakit tiga serangkai iaitu diabetes, kolestrol tinggi, dan tekanan darah tinggi. Jika dilihat pada zaman dahulu penyakit seperti ini jarang ditemukan dalam kalangan masyarakat yang tinggal jauh di pedalaman khususnya masyarakat Kadazandusun. Namun apa yang terjadi pada zaman sekarang penyakit tiga serangkai yang biasanya dikaitkan dengan penyakit orang kaya sudah menyebar disegenap lapisan masyarakat tanpa mengira umur. Hal ini disebabkan gaya hidup kekinian yang mengutamakan kesegeraan dengan mengambil makanan segera dan apa-apa produk kesihatan yang menunjukkan

kesan yang segera. Sudah pasti keadaan ini akan menyebabkan pelbagai komplikasi kesihatan dalam jangka masa panjang. Oleh itu, peranan sistem pendidikan harus menerapkan pendidikan kesihatan di semua subjek khususnya dalam pendidikan bahasa agar dapat mengingatkan murid untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Rinait Pongidu Notuka

Bahasa Kadazandusun

Waig do koingaran

Timug do pitandaan

Kingaran do kosundu

Kitanda do kilodun

Kingaran do kolingos

Kitanda ko kopuai

Kolingos do toruol

Kopuai do tohong

Lingos no iti waig

Puaio no iti timug

Waig do poingaran

Waig do pitandaan

Kingaran do pointunud

Pitanda do kukulanu

Kotutun do toruol

Pokulanu do tohong

I notuka, nabala, nadadang, nouhub

Sinungkadan do buluntung

Tinukadan do buluntung

Terjemahan bebas dalam Bahasa Melayu

Air yang diberi nama

Air yang menjadi tanda

Segala nama yang sakti

Tanda yang sakti

Nama yang menyembuhkan

Tanda yang mengusap

Menyembuhkan penyakit

Mengusap sakit

Sembuhkan air ini

Usaplah air ini

Air yang bernama

Air yang menjadi tanda

Dikenali dapat memberi petunjuk

Mengetahui penyakit

Mengenali penyakit

Mengetahui segala Penyakit

Disampuk hantu, terkena bahang,

Ditimpa dengan pelangi

Dihempap dengan pelangi

(Sumber: Puan Tinggayan Godsung, 85 tahun, Kg. Toboh Laut Keningau Sabah 22 Ogos 2023)

Rinait ini digunakan untuk melepaskan seseorang daripada apa-apa sahaja jenis badi yang dialami seseorang. Menurut Puan Tinggayan Godsung, semua benda dalam dunia ini memiliki badi tersendiri. Sebagai contoh *notuka namatai* (badi orang mati), *notuka buluntung* (badi pelangi) dan sebagainya. Apabila seseorang terkena badi, orang tersebut akan berasa risau tanpa sebab, pening, demam, susah tidur, mimpi buruk, senang terkejut dan sebagainya. Oleh itu, *bobolian* akan merawat pesakit dengan menggunakan *rinait* ini. Walaupun begitu, terdapat beberapa pantang yang harus dilakukan semasa sesi ini berjalan. Yang pertama upacara ini hanya dilakukan pada waktu pagi sahaja, yang kedua pesakit tidak boleh memakan lada, bawang, jeruk, dan semua makanan pedas selama tiga hari atau semasa sesi rawatan berlangsung. Pada masa upacara ini dijalankan *bobolian* akan duduk meluruskan kaki berhadapan dengan arah terbenam matahari sambil menunduk lalu membacakan mantera tersebut dengan cepat dan menahan nafas. Selepas itu, *bobolian* akan meniup ubun-ubun pesakit dan melumurkan air tersebut pada kedua-dua jari ibu kaki pesakit yang dirapatkan.

Kingaran do pointunud, ***Pitanda do kukulanu*** kedua-dua frasa ini membawa maksud yang sama dimana maksudnya adalah terkenal dapat memberi petunjuk. Hal ini kerana, setiap bait mantera masyarakat Kadazandusun harus diulang menggunakan frasa yang sinonim namun perkataan yang berbeza. Keadaan ini disebut sebagai *baalaanon* dalam Bahasa Kadazandusun. Biasanya mantera-mantera Kadazandusun diucapkan menggunakan bahasa yang difahami pada bait yang awal dan disusuli dengan bahasa yang dalam dan jarang diucapkan pada bait yang seterusnya. Misalnya ***toruol*** digunakan pada awal bait mantera dan bait seterusnya menggunakan perkataan ***tohong***. Kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang sama iaitu sakit, tapi apa yang membezakannya adalah penggunaan kesehariannya yang mana ***toruol*** digunakan dalam perbualan seharian manakala ***tohong*** pula jarang digunakan. Keindahan bahasa seperti inilah yang harus diterokai dalam pendidikan mana-mana bahasa. Hal ini kerana, jika ianya tidak dikaji maka warisan budaya nenek moyang sesuatu bangsa itu akan terbiar begitu sahaja.

Berdasarkan dapatan tersebut, dari sudut penggunaan mantera untuk tujuan perubatan berkait rapat dengan faktor-faktor seperti pengetahuan perihal ciri-ciri yang ada pada tumbuh-tumbuhan yang digunakan sebagai ubat-ubatan, kemahiran dalam kaedah penyediaan ubat-ubatan daripada tumbuh-tumbuhan serta kebolehan mentafsir maksud *beberapa leksikal tertentu yang terdapat dalam mantera (rianit)* yang digunakan untuk tujuan perubatan. Justeru dapat dikatakan bahawa keindahan bahasa dalam *rianit* sarat dengan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan landasan dalam pendidikan bahasa khasnya bahasa Kadazandusun. Dari sudut penggunaan beberapa leksikal yang unik dalam *rianit* turut menyumbang pada inventori istilah bahasa Kadazandusun itu sendiri mahupun dapat membuka satu lembaran baru agar diperluaskan lagi dalam mencari banyak istilah khasnya bahasa etnik di Malaysia yang dikenal pasti berkemungkinan besar memiliki sistem linguistik yang diperlihatkan dalam bahasa Melayu yang boleh diambil untuk memperkasakan bahasa Melayu. Ini dapat memperkayakan lagi perbendaharaan bahasa Melayu untuk memantapkan lagi integrasi nasional.

Jelas bahawa *rianit* (mantera) tersebut menggambarkan pola ketamadunan tradisional masyarakat Kadazandusun. Masyarakat nenek moyang terdahulu sudah mempunyai nilai kearifan tentang sesuatu khasnya flora dan fauna berserta dengan kemahiran bacaan *rianit* (mantera) yang dijadikan sebagai penawar penyakit, penghalang penyakit atau pendinding diri dan sebagainya. Justeru pola pemikiran masyarakat pendukungnya menjadi lebih baik kerana hidup berpaksikan amalan budaya yang sama. Berdasarkan *rianit* tersebut terkandung nilai-nilai murni dengan adanya keindahan bahasa dalam *rianit* yang dimiliki oleh sekumpulan masyarakat pendukungnya. Dapatan ini turut memberikan perspektif baru berkenaan keberadaan *rianit* dalam masyarakat Kadazandusun serta pemerihalan kearifan lokal masyarakat yang memerlukan penerokan berterusan. Justeru nenek moyang terdahulu yang mengamalkan *rianit* dalam masyarakat pendukungnya sudah pasti memahami akar pembentukan budaya yang akrab dengan alam dan diselarikan dengan pegangan (kepercayaan) masing-masing.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, *rianit* tersebut menggambarkan kehidupan masyarakat Kadazandusun walaupun pada masa kini masyarakat Kadazandusun sudah beragama namun mereka masih mengamalkan kebudayaan nenek moyang mereka. Ungkapan *rianit* tersebut sememangnya mempunyai bahasa-bahasa yang indah dan maksud yang mendalam. Jika tiada usaha yang dilakukan untuk mengumpulkan dan mendokumentasikan kebudayaan seperti ini maka, sudah pasti kebudayaan ini akan hilang begitu sahaja. Oleh yang demikian, keindahan dalam bahasa *rianit* harus diketengahkan pendidikan Bahasa khasnya Kadazandusun agar ianya dapat dilestarikan dalam kalangan generasi muda. Selain nilai-nilai murni yang dapat dijadikan landasan dalam kehidupan seharian, bahasa indah yang terungkap dalam *rianit* dapat memperkayakan lagi sumber istilah bahasa Kadazandusun dan berkemungkinan besar juga sesuai digunakan dalam sumber istilah bahasa Melayu.

Penghargaan kepada RMIC

Kertas kerja ini ialah hasil daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Kod Projek: FRGS/ 1/2021/SS10/UPSI/02/64. Sekalung penghargaan ditujukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak yang telah membiayai penyelidikan ini.

BIBLIOGRAFI

- Ain Apainah Yuni, Asmiaty Amat. (2019). *Pironok.: Mantera pemimpin Dusun Kimaragang. Jurnal Gendang Alam*. Jilid 9, 85-96.
- Asmiaty Amat dan Evelyn Annol. 2004. *Kesusasteraan Kadazandusun: Sumbangan dan Cabaran*. Kertas Kerja Seminar Pembinaan Nasional Malaysia, Sempena 40 Tahun Sabah Merdeka, Anjuran PPIB, UMS, 29-30 Ogos 2004.
- Asmiaty Amat, Norsuhaila Sulaiman, Abdul Hair Bedu Asis& Norhuda Salleh. (2024). *Pemupukan nilai budaya Bugis dalam kalangan guru Bugis membentuk nilai murni dalam kalangan pelajar: Satu kajian rintis*. PENDETA, Jilid 15 No. 1, 27-38.
- Fontana, A., & Frey, J. (1994). *Interviewing: The Art of Science*. In N. Denzin, & Y. Lincoln (Eds.), *Handbook of Qualitative Research* (pp. 361-376). Thousand Oaks, CA: Sage Publication
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali & Mohd Rosli Saludin. (2016). *Mantera menurut kepercayaan orang Melayu. Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN) International Journal of Malay Letters*, Jilid 4/Jan, 25-40.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, dan Abdul Halim Ali. (2017). Fungsi dan simbol dalam mantera mengikut konteks budaya Melayu. *Journal of Social Science*, Vol. 3, 21-29.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research And Case Study Applications In Education*. San Francisco: Jossey-Bass Inc
- Minah Sintian. (2012). *Mantera atau Rinait Kadazandusun: Tinjauan dalam Aspek Pengamal Dan Fungsinya Dalam Kehidupan*. Tanjong Malim: Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Minah Sintian. (2013). *Kepercayaan Dan Amalan Masyarakat Kadazandusun Dalam Pemeliharaan Alam Sekitar*. Tanjong Malim: Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mok Soon Sang. (1992). *Pedagogi 2 Strategi Pengajaran-Pembelajaran Pengajaran Mikro Persediaan Untuk Pengajaran Praktik*. Subang Jaya: Cetaktama Sdn. Bhd.
- Norjietta Taisin. (2014). *Sudawil: Analisis Dari Aspek Makna. Tesis Phd*. Universiti Malaysia Sabah
- Nurul Izzati Mustafa & Adnan Jusoh (2018). *Naskhah Mantra Gajah Dalam Sejarah Sosiobudaya Masyarakat Melayu. Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Vol. 2, Issue. 2, 233-248.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods. 2nd Edition*. Newbury Park, CA: SAGE Publications
- Rahmah Abdul Ghani, Zahir Ahmad & Sabzali Musa Kahn (2019). *Mantera Kecantikan Wanita Bajau: Analisis Bahasa Dan Pemikiran. The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal JSASS*, 6(1), 144-153.
- Siti Aisah Jusoh & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Satu analisis pemikiran mantera pakaian diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJEAL)*, Vol.11, Issue1,5-13.

Informan

Tinggayan Godsung, 85 tahun, Kg. Toboh Laut Keningau Sabah.